

**DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEDUA BELAS
NEGERI SABAH**

ATURAN URUSAN MESYUARAT

<http://www.sabah.gov.my/dun>

KHAMIS, 20 APRIL 2006, JAM 10:00 PAGI

Bil. 04

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

1. **Y.B. Datuk Louis Rampas [Kiulu]** bertanya kepada KETUA MENTERI berapakah hingga setakat ini jumlah belia-belia dari Negeri Sabah yang telah mengikuti Latihan Khidmat Negara, adakah kerajaan merancang sebarang aktiviti bagi bekas-bekas pelatih ini untuk membolehkan mereka terus membantu kerajaan menjaga keselamatan dan seterusnya membantu mengatasi masalah-masalah sosial seperti penagihan/penyalahgunaan dadah.
2. **Y.B. Tuan Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN apakah strategi dan dasar pihak kementerian ini untuk menggalakkan penanaman getah secara komersial memandangkan harga getah kian meningkat dan apakah potensi pemasaran dan harga getah dimasa akan datang.
3. **Y.B. Datuk Seri Panglima Hj. Lajim bin Hj. Ukin [Klias]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR:-
 - (a) Keretapi Tanah Melayu Bhd. (KTMB) dijangka akan mengambil alih pengurusan Jabatan Keretapi Negeri Sabah tidak lama lagi. Apakah perkembangan terkini pelaksanaan projek tersebut ketika ini;
 - (b) Bagaimana kedudukan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Keretapi Negeri Sabah yang sedia ada, sama ada dikekalkan ataupun sebaliknya.
4. **Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu [Sri Tanjung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA:-
 - a) Berapakah angka sebenar penagih dadah di Daerah Tawau dari bulan Januari 2005 sehingga ke bulan Januari 2006;

- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan angka penagih dadah memandangkan jumlah angka penagih dadah telah meningkat di Negeri Sabah.
5. **Datuk Mohd. Lan Bin Allani [Sulabayan]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN apakah rancangan dan tindakan kerajaan untuk memastikan perbelanjaan agensi kerajaan akan terus terkawal dengan kenaikan harga minyak sekarang.
6. **Y.B. Datuk Mohd. Lan Bin Allani [Sulabayan]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR apakah kerajaan ada memajukan (input) cadangan kepada kerajaan persekutuan berikutan rombakan route dan destinasi diantara MAS dan Air Asia agar tidak menjejaskan industri pelancongan di Negeri Sabah.
7. **Y.B. Tuan Md. Kamil bin Datuk Hj. Mohd. Kassim [Tanjung Batu]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN bahawa adalah difahamkan perlaksanaan perancangan Pekan Baru Kalabakan akan dimulakan dalam RMK-9. Apakah yang telah dilakukan ke atas perancangan tersebut setakat ini.
8. **Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup [Sook]** bertanya kepada KETUA MENTERI bilakah kerajaan menguatkuasa Undang-undang Enakmen Tanah (Pindaan) 2004. Sekiranya undang-undang tersebut telah dikuatkuasa dimana dan siapakah pegawai yang boleh dihubungi apabila seseorang membuat aduan.
9. **Y.B. Datuk Hj. Jasa Datuk Hj. Rauddah [Kunak]** bertanya kepada KETUA MENTERI:-
- a) Apakah tindakan pihak Penguatkuasa Jabatan Tanah & Ukur tentang pencerobohan yang berleluasa di kawasan Tingkayu, Kunak;
- b) Setakat manakah penguatkuasaan Jabatan Tanah & Ukur bertindak dalam menangani masalah pencerobohan tanah kerajaan di seluruh negeri.
10. **Y.B. Datuk Michael Asang [Labuk]** bertanya kepada KETUA MENTERI:-
- (a) Adakah pihak Jabatan Tanah dan Ukur telah menguatkuasakan Pindaan Enakmen Ordinan Tanah (Bab 68) Bahagian X bagi tujuan membendung dan juga sebagai '*Deterren*' kepada mereka yang terlibat

dalam kegiatan pembukaan (pencerobohan) tanah-tanah kerajaan yang belum mendapat kelulusan yang semakin berleluasa di negeri ini.;

- (b) Jika ya, berapa kes yang telah diambil tindakan undang-undang dan jika belum, mengapa.
11. **Y.B. Tuan Dr. Joachim Gunsalam [Kundasang]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR berapakah bilangan Ketua Isi Rumah di kawasan N.29 yang dikategorikan sebagai Rakyat Termiskin. Siapa dan bagaimanakah mereka ini dikenal pasti.
12. **Y.B. Datuk Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN apakah program kerajaan bagi meningkatkan aktiviti dan mutu sukan sekaligus mencungkil bakat-bakat atlit daripada kawasan-kawasan luar bandar.
13. **Y.B. Tuan Philip B. Lasimbang [Moyog]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN apakah impak yang dijangka akan dialami oleh sektor-sektor perindustrian ringan di Sabah termasuklah KKIP, berikutan dengan kenaikan harga bahan api.
14. **Y.B. Datuk Hj. Sairin Hj. Karno [Liawan]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER MAKLUMAT DAN TEKNOLOGI adakah kerajaan mempunyai rancangan jangka panjang yang akhirnya dapat mewujudkan '*paperless administration*' dalam jabatan-jabatan.
15. **Y.B. Datuk Louis Rampas [Kiulu]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah budak jalanan (*street kids*) yang terdapat banyak merayau-rayau dalam Bandaraya Kota Kinabalu yang mula menunjukkan sikap-sikap negatif yang memalukan seperti mengacau (*harassing*) dan menunjukkan bahagian kemaluan apabila tidak diberi wang.
16. **Y.B. Tuan Johnny @ Juni Intang [Kuamut]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN apakah perancangan kementerian kepada tanah yang disediakan kepada:-
- a) Jabatan Pertanian di Ag. Lokan (2,500 ekar); dan
- b) Jabatan Haiwan di Entilibon/Telupid (5,000 ekar).

17. **Y.B. Tuan Basalie Hj. Abdul Hamid [Bugaya]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan ruang niaga pasar tani, pasar nelayan, pasar minggu (tamu) khusus untuk orang-orang miskin yang berada di kawasan tersebut bagi mengatasi masalah 'miskin tegar' di kawasan bandar-bandar besar dan daerah-daerah kecil.
18. **Y.B. Tuan Johnny Goh [Inanam]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR apakah langkah yang harus dilakukan bagi pemulihan kehijauan tanah-tanah atau bukit yang botak/dipotong kerana pembangunan atau disebabkan pengambilan tanah seperti di kawasan Bandar Serra, jalan Sepanggar dan Minintod.
19. **Y.B. Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia [Tempasuk]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR bilakah agaknya jalan raya Kota Belud By-Pass dan jambatan Wokok di Kota Belud akan siap.
20. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR apakah tindakan kementerian berhubung masalah bekalan air bersih kepada penduduk Kg. Lipasu/Kamansi, Kg. Baru dan Kg. Beringis. Bilakah tempoh pelaksanaannya dan berapakah siling peruntukan kerajaan yang telah diluluskan untuk tujuan ini.
21. **Y.B. Datuk Hj. Jasa Datuk Hj. Rauddah [Kunak]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN setakat manakah kemajuan rumah-rumah-rumah kos rendah yang dikendalikan oleh pihak LPPB seluruh Sabah.
22. **Y.B. Datuk Hj. Zakaria bin Mohd. Edris [Gum – Gum]** bertanya kepada KETUA MENTERI diperhatikan tanah perkuburan Islam biasanya tidak terurus dan teratur berbanding dengan tanah perkuburan agama lain. Bilakah pihak MUIS atau JHEAINS dapat melaksanakan sepenuhnya projek perintis Sistem Pengurusan Tanah Perkuburan Islam yang sistematik dan professional ke seluruh Negeri Sabah.
23. **Y.B. Tuan Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN sama ada kementerian ini mempunyai rancangan untuk membaiki trek-trek kompleks yang sudah uzur seperti di Daerah Penampang, Keningau, Kota Belud dan Tenom dalam RMK-9.

24. **Y.B. Datuk Seri Panglima Hj. Lajim bin Hj. Ukin [Klias]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA bilakah projek pembinaan bangunan Perpustakaan Daerah Beaufort dapat dilaksanakan kerana tapak bagi tujuan tersebut telahpun tersedia.
25. **Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup [Sook]** bertanya kepada KETUA MENTERI adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula ketetapan untuk memindahkan setinggan-setinggan daripada Sri Tanjung ke 2 kawasan (slide 1 & 2) yang berhampiran di Kg. Maang memandangkan penduduk-penduduk Kg. Maang dan juga penduduk-penduduk persekitaran membantah pemindahan tersebut.
26. **Y.B. Datuk Hj. Jasa Datuk Hj. Rauddah [Kunak]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR apakah tindakan yang diambil keatas kes kecurian air dan apakah formula yang terbaik dalam menangani masalah kecurian air di merata-rata tempat.
27. **Y.B. Datuk Mohd. Lan Bin Allani [Sulabayan]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN apakah terdapat industri sokongan yang boleh diceburi oleh pengusaha tempatan sebagai pelengkap kepada industri pembuatan milik pelabur asing di negeri ini. Apakah tindakan kerajaan dalam perkara ini.
28. **Y.B. Datuk Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada KETUA MENTERI adakah kerajaan bercadang membina sebuah Sekolah Menengah Ugama Islam (SMUI) di kawasan Kawang. Bilakah cadangan membina Baitul Ihsan oleh JHEAINS dilaksanakan.
29. **Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu [Sri Tanjung]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN adakah kementerian akan mengarah Majlis Perbandaran Tawau untuk membentuk satu jawatankuasa secepat mungkin untuk memudahkan pelaksanaan RMK-9 khususnya di Tawau.
30. **Y.B. Tuan Dr. Joachim Gunsalam [Kundasang]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR adakah kerajaan bercadang untuk membangunkan bekas perlombongan Mamut sebagai satu pusat pelancongan dalam RMK-9.
31. **Y.B. Tuan Johnny @ Juni Intang [Kuamut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR bilakah

kementerian melaksanakan rancangan pewujudan mini estet di kawasan pedalaman Sabah.

32. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA berapakah jumlah penerima bantuan orang tua yang dibiayai oleh kementerian di Sabah. Berapakah umur wajib untuk layak mendapatkan bantuan orang tua yang dibolehkan oleh peraturan kerajaan.
33. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada KETUA MENTERI sejauh mana peranan Negeri Sabah dalam mendukung hub halal negara.
34. **Y.B. Datuk Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR bilakah projek jalan raya Keningau-Kimanis dijangka siap dan apakah kerajaan bercadang melebarkan jalan raya Papar-Kota Kinabalu ekoran pertambahan bilangan pengguna jalan raya daripada kawasan pedalaman atas dan bawah melalui jalan raya Papar-Kota Kinabalu.
35. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN apakah kategori projek-projek sasaran dan berapakah jumlah peruntukan yang akan dibelanjakan oleh kementerian melalui agensi-agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan ini bagi Daerah Keningau dalam RMK-9.
36. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada KETUA MENTERI punca merosotnya keputusan peperiksaan SMU dan STAM serta sebab gagalnya sebahagian besar sekolah-sekolah agama (SUIS) untuk mencapai peratusan terbaik dalam peperiksaan SRU ialah kerana kekurangan guru, masalah prasarana sekolah dan tidak ramai guru terlatih. Apakah langkah kerajaan dalam mengatasi masalah ini.
37. **Y.B. Tuan Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN apakah strategi kementerian ini untuk memperbaiki semua sistem perparitan di seluruh negeri terutamanya di taman-taman perumahan.
38. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR sekitar tahun 1970-an hingga 1980-an kumpulan drama dari Sabah kerap meraih kemenangan dalam Pesta Teater Kebangsaan.

Apakah kementerian membuat kajian tentang punca lesunya grup teater di Sabah dan gagalnya kita untuk cemerlang dalam persaingan di Peringkat Nasional sejak akhir-akhir ini.

39. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Suhaili Hj. Said [Tungku]** bertanya kepada KETUA MENTERI tidak adakah cadangan untuk membina beberapa buah pondok polis untuk keselamatan di beberapa buah kampung di kawasan DUN Tungku bagi memudahkan pihak polis mengawal keselamatan demi meningkatkan lagi tahap keselamatan di kawasan ini.
40. **Y.B. Tuan Md. Kamil bin Datuk Hj. Mohd. Kassim [Tanjung Batu]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR bahawa gangguan bekalan elektrik dalam kawasan perindustrian Tanjung Batu masih merupakan masalah berterusan yang dihadapi oleh para pengusaha di sini. Apakah perancangan kerajaan dalam memastikan masalah bekalan elektrik ini dapat diatasi.
41. **Y.B. Tuan Philip B. Lasimbang [Moyog]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR adakah kementeriannya bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah perumahan di kalangan rakyat miskin di Sabah. Apakah program-program yang dirancang dan yang sedang dilaksanakan oleh kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah untuk menyelesaikan masalah perumahan tersebut.
42. **Y.B. Datuk (Datu) Amir Kahar bin Tun Datu Haji Mustapha [Banggi]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR bahawa bekalan tenaga elektrik amatlah penting, maka dengan itu bolehkah kerajaan negeri membekalkan bekalan tenaga elektrik 24 jam di Pekan Karakit, Banggi.
43. **Y.B. Tuan Philip B. Lasimbang [Moyog]** bertanya kepada KETUA MENTERI apakah mekanisma atau garis panduan yang diguna-pakai oleh kerajaan negeri untuk menangani masalah setinggan yang berleluasa di negeri ini khususnya dari segi pemindahan atau penempatan semula.
44. **Y.B. Tuan Johnny Goh [Inanam]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR adakah projek menaik taraf Jalan Kokol - Poring-Poring dan Jalan Kiambalang – Babagon Toki dibawah RMK-9 dilaksanakan dalam awal tahun penggal RMK-9.
45. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Suhaili Hj. Said [Tungku]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM

SEKITAR bilakah kerajaan bercadang untuk membina sebuah Pusat Pelancongan di Tungku yang merupakan salah sebuah kawasan yang mempunyai potensi pelancongan yang baik dan mempunyai pantai yang tercantik di Negeri Sabah sejak diwartakan pada tahun 2003.

46. **Y.B. Tuan Au Kam Wah [Elopura]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-
- (a) Berapakah lesen pukat tunda dan pukat jerut masih aktif di kawasan Sandakan dan jumlah hasil laut bagi tahun 2004 dan 2005;
 - (b) Berapakah lesen pukat telah mendapat subsidi minyak diesel/petrol di kawasan Sandakan.
47. **Y.B. Tuan Philip B. Lasimbang [Moyog]** bertanya kepada KETUA MENTERI apakah usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan negeri dalam mempertahankan hartanah Bumiputera Sabah seperti Tanah Rezab Anak Negeri (*Native Reserve*) yang terdapat di seluruh negeri dan adakah Tanah Rezab yang diambil itu akan diganti.
48. **Y.B. Datuk Hj. Sairin Hj. Karno [Liawan]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR apakah rancangan kementerian untuk memastikan penduduk luar bandar di negeri ini dapat menikmati sepenuhnya rancangan-rancangan pembangunan di bawah RMK-9 ini termasuklah mengenal pasti projek-projek pembangunan yang perlu diutamakan.
49. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan mengikut tahun sejak 1990 hingga 2006 kepada badan-badan keagamaan yang ada di Sabah seperti:-
- a) Kristian Katolik;
 - b) Anglikan;
 - c) Basel;
 - d) Seventh Day Adventist (SDA);
 - e) Sidang Injil Borneo;
 - f) Buddha;
 - g) Hindu; dan lain-lain.
50. **Y.B. Tuan Herbert Timbon Lagadan [Kadamaian]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN berapakah kos yang

perlu ditanggung oleh Lembaga Industri Getah Sabah untuk membangun satu hektar kawasan bagi tanaman baru dan tanaman semula. Berapakah kos jualan bagi setiap pokok getah oleh Lembaga Industri Getah Sabah.

51. **Y.B. Tuan Johnny @ Juni Intang [Kuamut]** bertanya kepada KETUA MENTERI bolehkah kerajaan mengeluarkan kawasan tanah Yayasan Sabah di kawasan Kuamut untuk tujuan penempatan kepada masyarakat yang selalu dilanda banjir khususnya masyarakat yang tinggal di sepanjang Sungai Kinabatangan.
52. **Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu [Sri Tanjung]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR bilakah kerja secara besar-besaran akan dilakukan (*Pavement Resurfacing*) di sekitar Jalan Sin On, Tawau iaitu dari Sekolah Rendah Hing Hwa sehingga ke Gereja Baptist dibawah RMK-9 dimana (*Pavement Resurfacing*) jalan tersebut dilakukan sejak sepuluh tahun yang lalu.
53. **Y.B. Datuk Syed Abas Syed Ali [Balung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR sejauh manakah prestasi KPLB dan KKLW didalam melaksanakan Pembangunan Luar Bandar di Sabah pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005. Apakah tindakan yang akan diambil untuk meningkatkan lagi prestasi tersebut di tahun 2006 untuk memastikan sistem penyampaian yang cekap bagi memberi kesejahteraan kepada rakyat luar bandar.
54. **Y.B. Datuk Hj. Sairin Hj. Karno [Liawan]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN sekarang ini gedung-gedung pasaraya semakin bertambah di Sabah. Apakah peranan para pemilik/pengusaha gedung-gedung gergasi ini dalam membantu memasarkan hasil-hasil atau produk-produk pertanian, khususnya bagi membantu para petani. Adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan dasar-dasar tertentu bagi memastikan pemilik-pemilik pasaraya ini turut memainkan peranan bagi membantu mengkomersilkan hasil-hasil pertanian tempatan.
55. **Y.B. Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Tandek]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR apakah perancangan dan bentuk pemantauan yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi memastikan Teluk Kota Marudu (Marudu Bay) tetap terpelihara dan hasil-hasil lautnya *sustainable*.
56. **Y.B. Tuan Basalie Hj. Abdul Hamid [Bugaya]** bertanya kepada KETUA MENTERI adakah kawasan perkampungan Kampung Air, Semporna telah

dipohon oleh syarikat-syarikat atau individu tertentu. Sekiranya benar, apakah perancangan kerajaan terhadap penduduk yang telah mendiami kawasan tersebut sejak merdeka lagi kerana didapati ada di kalangan mereka telahpun memiliki TOL.

57. **Y.B. Tuan Johnny @ Juni Intang [Kuamut]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengambil jalan raya pembalakan di kawasan berikut:-
- (a) Kg. Entilibon ke Kg. Kiranggo – 15 kilometer;
 - (b) Kg. Sanan ke Kg. Bobotong – 15 kilometer;
 - (c) Kg. Alitang ke Kg. Masaum – 20 kilometer;
 - (d) Kg. Karamuak ke Kg. Kenang-Kenangan.
58. **Y.B. Datuk Mohd. Lan Bin Allani [Sulabayan]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN apakah pendekatan dan tindakan kerajaan dalam mencegah dan menangani sindrom keruntuhan moral dikalangan belia lepasan sekolah yang semakin meningkat.
59. **Y.B. Tuan Basalie Hj. Abdul Hamid [Bugaya]** bertanya kepada KETUA MENTERI adakah agensi-agensi kerajaan membuat pemantauan terhadap kegiatan menebang kayu bakau secara berleluasa di kawasan Hutan Simpan Bakau untuk tujuan tertentu oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seperti yang berlaku di kawasan Hutan Simpan Bakau di Sungai Bubul, Sungai Nasip dan Sungai Tagasan dalam daerah Semporna, seolah-olah tidak ada pihak yang memantau kawasan tersebut. Selain itu, ada juga kawasan ini dijadikan kolam-kolam ternakan udang.
60. **Y.B. Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Tandek]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR apakah rancangan dan tindakan untuk memperbaiki rumah-rumah panjang di kawasan Utara Sabah yang semakin uzur.

Soalan-soalan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.
